

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 NOVEMBER 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI capai sasaran pengkomersilan produk R&D tahun ini	BERNAMA
2.	MIMOS bekerjasama dengan Esri untuk pertingkat keselamatan negara	BERNAMA
3.	Penyelidik wanita UniMAP raih Anugerah L'Oreal	BERNAMA
4.	Big business in biodiversity	New Straits Times
5.	Cemas 15 minit	Harian Metro
6.	Pengawai penyiasat tidak usik bekas mengandungi sampel Saiful	BERNAMA
7.	12 sampel Saiful tidak diganggu	Berita Harian



Mosti Capai Sasaran Pengkomersilan Produk R&D Tahun Ini

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) telah mencapai sasaran pengkomersilan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebanyak 65 produk tahun ini dengan pelancaran tujuh lagi produk baharu.

[Menterinya, Datuk Seri Ewon Ebin](#) berkata, ia merupakan kejayaan besar kementerian memandangkan sasaran awal hanyalah 60 produk tahun ini.

"Ini petanda positif bahawa perbelanjaan yang disalurkan kerajaan kepada pereka cipta, penyelidik, agensi awam dan swasta tempatan telah memberikan pulangan dalam menjana pendapatan," katanya ketika merasmikan Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE 2014) di sini, hari ini.

Menerusi Tahun Pengkomersilan Mosti (MCY 2014) yang dilancarkan awal tahun ini, kejayaan strategi tersebut akan diukur melalui penambahan bilangan produk R&D di pasaran, penggunaan produk itu serta pertambahan peluang pekerjaan seterusnya memberi pulangan pendapatan kepada negara.

Dr Ewon menegaskan proses pengkomersilan produk baru ini akan berterusan sehingga 2020 dengan sasaran keseluruhan 360 produk R&D.

Menurutnya, di samping kejayaan MCY 2014, masih lagi terdapat kekurangan penciptaan produk dalam sektor pertahanan dan keselamatan, teknologi nano dan elektronik mikro.

Beliau berharap ada pencipta yang akan menerajui sektor ini pada masa depan untuk menghasilkan produk berimpak tinggi untuk dikomersilkan.

Di samping itu beliau turut melancarkan penggunaan logo Mosti ke atas produk R&D yang dibiayai kementerian itu.

"Penggunaan logo tersebut akan bermula hari ini dan menjadi satu daripada syarat utama bagi ciptaan yang dihasilkan," katanya.

Dr Ewon berkata, logo itu diharap dapat membantu pengguna memilih atau membeli produk di pasaran.

-- BERNAMA



MIMOS Bekerjasama Dengan Esri Untuk Peningkat Keselamatan Negara

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- [MIMOS Bhd](#) dan peneraju penyedia penyelesaian gesopatial Esri Inc and Esri Malaysia menandatangani memorandum persefahaman (MoU) yang akan mengangkat usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) kerajaan dalam isu keselamatan negara ke tahap lebih tinggi.

MIMOS dalam satu kenyataan hari ini, berkata perkongsian itu dimeterai bersempena Pameran dan Persidangan Inovasi Kebangsaan 2014 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Di bawah MoU itu, MIMOS dan Esri akan bekerjasama menjalankan aktiviti R&D selain turut bertujuan menyokong Platform Inovasi Terbuka MIMOS yang melibatkan kerjasama dengan agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen, Kementerian Pertahanan, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) serta Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Perjanjian ini akan menyuburkan perkongsian teknologi dan pengetahuan yang proaktif antara MIMOS dan Esri dengan mempermudah usaha sama R&D dalam perkembangan teknologi, keselamatan siber serta Analitis Data Besar (BDA).

Kedua-dua pihak juga akan menjalankan program latihan bagi membangun dan memanfaatkan kemahiran gesopatial dalam kalangan tenaga kerja tempatan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata keupayaan ini akan membolehkan Malaysia memperkukuh agensi pertahanan dan keselamatannya dengan gabungan kuasa teknologi berasaskan lokasi dan teknologi pecutan, pada kos yang rendah.

"Menerusi kerjasama ini, keselamatan negara kita dan agensi keselamatan awam boleh memodenkan operasi sambil menjimatkan masa dan wang dari segi sumber," katanya.

MIMOS juga mengumumkan pelancaran tiga penyelesaian teknologi baharu dalam sektor kerajaan, keselamatan awam dan jagaan kesihatan yang dijangka melonjakkan kedudukan strategik agensi dan mempertingkatkan daya saing industri.

"Pelancaran dijangka terus memperkukuh kedudukan MIMOS sebagai penyedia penyelesaian teknologi kebangsaan Malaysia, dan pada masa sama menambah nilai kepada penerima teknologinya dan pengguna akhir," katanya.

Pusat R&D kebangsaan itu memperkenalkan 'Touche-Gate' iaitu aplikasi keselamatan untuk komunikasi mudah alih; 'SMART Lock-up' (sistem pengurusan berkunci pintar); dan MAVRIX (teknologi pengimejan multimedia yang membolehkan rundingan perubatan jarak jauh).

MIMOS, agensi strategik di bawah MOSTI, merupakan peneraju penyedia teknologi dalam teknologi maklumat dan komunikasi, teknologi elektronik industri dan teknologi nano semikonduktor.

-- BERNAMA



Penyelidik Wanita UniMAP Raih Anugerah L'Oreal

KANGAR 31 Okt (Bernama) -- Penyelidik wanita Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus mencipta nama dengan meraih anugerah 'Nasional Fellowship Untuk Wanita dalam Sains' oleh L'Oreal Malaysia' buat kali keempat berturut-turut pada tahun ini.

Kejayaan itu kali ini dicipta oleh pensyarah kanan universiti itu yang juga Pengerusi Rancangan Pasca Siswazah UniMAP, Dr Noorhafiza Muhamad mengenai penyakit jantung.

"Penyelidikan ini melibatkan penstrukturan permukaan jaringan logam menggunakan laser. Tujuan utamanya ialah penstrukturan untuk memudahkan proses endotiliasisasi.

Saya mahu menyelamatkan nyawa dan akan berpuas hati jika dapat berkongsi penemuan saya dengan para saintis lain. Hasil kajian ini diharap mampu menyelamatkan lebih banyak nyawa," katanya dalam satu kenyataan media UniMAP di sini, hari ini.

Sementara itu, Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof Dr Kamarudin Hussin berkata kejayaan itu diharap memberi inspirasi kepada penyelidik wanita muda UniMAP untuk terus memartabatkan bidang penyelidikan dan pembangunan dan pada masa sama meraih ilmu pengetahuan baru.

"Saya amat berbangga kerana sejak tahun 2011, UniMAP sentiasa mempunyai wakil menerima anugerah ini dimulai dengan Dr Ong Hui Lin, Dr Hakimah Othman dan Dr Ruslinda A. Rahim pada tahun lepas.

Penyelidikan yang dihasilkan bukan sahaja kejayaan UniMAP malah kejayaan dunia perubatan dalam usaha membantu golongan yang menghidap penyakit jantung," katanya.

Anugerah Fellowship itu disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching dalam satu majlis di Hotel Westin, Kuala Lumpur semalam.

Anugerah itu sebahagian daripada Program Fellowship L'Oreal Untuk Saintis Wanita peringkat antarabangsa diperkenalkan sejak 1998 yang menekankan pentingnya penyertaan wanita dalam pembangunan dunia sains hari ini.

Program itu adalah kerjasama antara L'Oreal dengan [Akademi Sains Malaysia](#), Kementerian Pendidikan dan [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#) yang mendapat sokongan serta pengiktirafan Suruhanjaya Kebangsaan bagi Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO).

Big business in biodiversity

HUGE RETURNS: It is not too late for business sector to tap into this green potential

THE subject of biodiversity continues to attract passionate discussion, especially among academics. A similar passion is yet to be seen among policy-makers and businesses. If this continues, we may regret it in the future.

Studies have confirmed that unless we take care of our biodiversity, the neglected ecosystem services provided by biodiversity can haunt us. It is not just society that will bear the brunt. Even big businesses will suffer the consequences.

It is undeniable that many businesses thrive on such healthy ecosystem services. It is time the biodiversity agenda infiltrates the meetings of big businesses and planners. It is still not too late for the business sector to include bio-

diversity as an important agenda in their business planning. This is because the implications of biodiversity on the world economy and societal wellbeing are enormous.

A recent article by Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid, the nation's science adviser, highlights the potential damage that biodiversity neglect can have on business. There are now realistic assessments of the biodiversity value.

According to him, "In 1997, experts estimated the global value of ecosystem services at an average of US\$33 trillion (RM108.5 trillion) per year. An update this year of that study nearly quadrupled the estimated annual value of those services to US\$125 trillion."

He went further to say that "within that number, for example, is the 2010 estimate by economists that the planet's 63 million hectares of wetlands provide some US\$3.4 billion in storm protection, food and other services to humans each year. And, a large portion of the US\$640 billion pharmaceutical market relies on genetic resources found in nature, with anti-cancer agents from marine organisms alone valued at up to US\$1 billion annually".

In fact, according to his estimate,

"the loss of biodiversity through deforestation, meanwhile, is estimated to cost the global economy up to US\$4.5 trillion every year". Zakri should know because he is the current chairman of the Intergovernmental Panel for Biodiversity and Ecosystem Services.

That is all well and good. But the question before us is, what are we doing to tap on the potential benefits of biodiversity? What actions are we taking to safeguard the ecosystem services provided by biodiversity?

The Academy of Science has over the years been throwing many ideas on how the country's biodiversity can be better managed. In its flagship MegaScience study on biodiversity three years ago, a number of recommendations were put forward. But unfortunately, many of the proposals have yet to see the light of day.

For example, there was a proposal to allocate dedicated funding to study the contents of our rich biodiversity. Yes, we are among the world's top biodiversity-rich nations blessed with biodiversity resources. But not much is known of exactly what we have, except for *Tongkat Ali* and *Kacip Fatimah*. And, do we really understand how some of our rich biodiversity areas in the country help mitigate floods and store water? Through a better understanding of the mechanics, it



Sabah is building research infrastructure in a number of sensitive biodiversity areas in the state, including Imbak Canyon.

will help us craft the right policy interventions to better manage biodiversity.

There was also a suggestion to establish a virtual natural biodiversity museum to maintain a rich library of the nation's many biodiverse species, which can support research. Much of the country's indigenous specimens of flora and fauna are now kept in natural history museums overseas. A big collection resides in London's Natural History Museum. The academy has approached the Museum to bring back the specimens in digital forms and they have agreed. Unfortunately, there is no support for such venture.

It is not too late. A recent move by

the Sabah Foundation to put more soul into the earlier proposals of the academy is laudable. Sabah has succeeded in persuading Petronas to build a laboratory and other research infrastructure in a number of sensitive biodiversity areas in the state. One is the Imbak Canyon. All the research plans have been drawn up. Unfortunately, such an important initiative is still pleading for research funding support.

It is clear we should not take our biodiversity for granted. Unless actions are taken now, the costs for remediation in the future can be massive and prohibitive.

ahmad.ibrahim@
akademisains.gov.my



Dr Ahmad Ibrahim is fellow of the Academy of Sciences Malaysia

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 1 NOVEMBER 2014 (SABTU)



KEADAAN sebuah rumah di Kampung Sungai Baru, Jalan Kuala Sungai, yang rosak dibadai ribut.



CHE Tom melihat bumbung rumahnya tercabut dibawa angin di Kampung Batin, Mergong, semalam.



ORANG ramai melihat rumah rosak teruk dalam kejadian ribut, di Kampung Sungai Baru, Jalan Kuala Sungai, semalam.



PUTING beliung dirakam pengguna jalan raya berhampiran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas.



MANGSA ribut terpaksa mengandakkan lili selepas bekalan elektrik terputus di Kampung Kuala Sungai.

PUKULAN PUTING BELIUNG

Cemas 15 minit

Oleh Norul Awatif Romli
awatifromli@hmetro.com.my
Alor Setar

Lebih 35 rumah di tiga kawasan perumahan di Mergong, di sini, rosak teruk terutama bumbung akibat dibadai puting beliung berskala kecil, semalam.

Kejadian dipercayai berlaku jam 4.50 petang di Kampung Batin, Taman Mergong Jaya Fasa Satu dan Taman Inang selepas hujan lebat.

Seorang penduduk, Azwar Hafifi Mohd Tajuddin, 37, berkata, ketika kejadian dia sedang menonton televisyen bersama ibu bapa, isteri dan empat anak apabila terdengar bunyi benda jatuh di atas bumbung.

Katanya, dia menjenguk ke luar kerana hairan dengan bunyi itu yang semakin lama semakin ber-

larutan sebelum ternampak bumbung rumah jirannya terangkat dibawa angin.

"Saya terdengar jiran di depan rumah melaungkan azan dengan kuat dan pada masa sama anak sulung, Diana Ernisa, 14, berlari keluar rumah dalam keadaan panik kerana mahu menyelamatkan diri.

"Saya menjerit mengarahkan ahli keluarga lain mencari tempat perlindungan dalam rumah sebelum memanggil Diana Ernisa masuk kerana bimbang berlaku kejadian tidak diingini," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Batin, di sini.

Katanya, kejadian itu berlaku terlalu pantas menyebabkan me-

reka sekeluarga tidak sempat melakukan apa-apa melainkan berdoa kepada Allah SWT supaya ribut yang diselangi pusan angin kuat setinggi 100 meter itu berlalu dengan segera.

“Nasib baik angin kuat bersama pusan angin seperti puting beliung berlaku kira-kira 15 minit sahaja”

Azwar Hafifi Mohd Tajuddin

rumah dan garaj rosak teruk,” katanya.

Penduduk, Che Tom Abdullah, 65, berkata, dia bersyukur kerana berada di surau berhampiran ru-

mah dan bercadang pulang ke rumah selepas hujan reda.

"Setiba di rumah, saya tergamam melihat rumah pusaka bersama arwah suami berusia 38 tahun hilang bumbung dan air hujan membasahi dalam rumah.

"Dua anak lelaki yang berada di rumah memberitahu keadaan rumah musnah teruk dan sudah tidak boleh diduduki berikutan semua perkakas termasuk peralatan elektrik rosak," katanya.

Katanya, walaupun bersedih dengan nasib dialami, namun dia menganggap kejadian itu ujian terhadapnya dan bersyukur kerana terselamat.

Pengarah Bahagian Khidmat Korporat dan Komersial Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Dr Mohd Hisham Mohd Anip ketika dihubungi berkata, penduduk di utara tanah air dinasihatkan me-

ngambil langkah berjaga-jaga berikutan keadaan cuaca tidak menentu sejak kebelakangan ini.

Katanya, sehingga kini tiada teknologi ramalan cuaca dapat mengesan pembentukan puting beliung sama ada dalam kelajuan kecil atau lemah berbanding puting beliung besar yang mudah dikesan.

"Justeru, kami menasihatkan orang ramai peka dengan tanda kemungkinan berlaku puting beliung kecil yang biasanya berlaku ketika cuaca menjadi gelap, awan badai (ribut) dan angin kuat.

"Sekiranya berlaku kejadian seperti itu, mereka dinasihatkan mencari tempat perlindungan segera, sebaik baiknya di bawah meja bagi mengelak terkena sebarang objek yang jatuh," katanya.

Lagi berita di muka 6 & 7



Pegawai Penyiasat Tidak Usik Bekas Mengandungi Sampel Saiful



PUTRAJAYA, 31 Okt (Bernama) -- Hanya beg plastik yang mengandungi 12 bekas sampel yang diambil daripada Mohd Saiful Bukhari Azlan, yang dibuka oleh pegawai penyiasat (ILO) dalam kes liwat membabitkan penasihat PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan bukan bekas yang mengandungi calitan daripada rektum pengadu, Mahkamah Persekutuan diberitahu hari ini.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mengetuai pasukan pendakwaan dalam rayuan itu berkata Supt (bersara) Jude Blacious Pereira mematuhi Peraturan Tetap Ketua Polis Negara (IGSO) apabila semua barang kes disimpan dalam sampul berasingan sebelum dihantar ke Jabatan Kimia.

Beliau berkata semasa pemeriksaan utama, Pereira telah menjelaskan perkara itu secara terperinci dan tidak pernah cuba untuk menyembunyikan tindakannya seperti yang didakwa pihak pembela.

"Apa yang beliau lakukan sebenarnya mematuhi betul-betul apa yang dikehendaki di bawah IGSO dengan meletakkan setiap bekas dalam sampul berasingan dan menandakan sampul-sampul itu.

"Beliau tidak membuat apa-apa penandaan pada bekas itu atau membukanya kerana ia telah dimeterai oleh Dr Siew Sheue Feng dan doktor itu dengan pengadu, Mohd Saiful Bukhari Azlan, telah menandatangani pada cap setiap satu daripada bekas itu, " kata Muhammad Shafee.

Muhammad Shafee berhujah bagi pihak pendakwaan dalam rayuan Anwar terhadap pensabitan dan hukuman penjara lima tahun ke atasnya selepas didapati bersalah meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful di sebuah unit kondominium Desa Damansara, Jalan Setiakasih, Bukit Damansara, Kuala Lumpur pada 26 Jun 2008.

Peguam kanan itu juga memberitahu barisan panel lima hakim yang diketuai Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria bahawa untuk menyokong tindakan pegawai penyiasat itu, pihak pendakwaan telah mengemukakan salinan IGSO yang jelas menyatakan bagaimana bahan bukti harus dikendalikan dan disimpan sebelum dihantar kepada ahli kimia.

Muhammad Shafee berkata di peringkat Mahkamah Tinggi, pihak pembelaan berjaya meyakinkan dalam hujahnya bahawa ada kemungkinan sampel itu diusik yang membolehkan penasihat PKR itu dibebaskan.

Bagaimanapun, di Mahkamah Rayuan, pihak pendakwa berhujah bahawa apabila [ahli kimia Dr Seah Lay Hong dan Nor Adora Saidon](#) memeterai bahan bukti, semua bekas masih utuh dan tidak terusik dan mahkamah bersetuju serta meminda keputusan Mahkamah Tinggi.

Beliau menjelaskan bahawa sampel intim Mohd Saiful itu dikumpul oleh dua orang doktor dari Hospital Kuala Lumpur (HKL) iaitu Dr Mohd Razali Ibrahim dan Dr Khairul Nizam pada 28 Jun 2008.

"Sampel itu dibawa kembali oleh pegawai penyiasat dan disimpan di dalam loker di pejabatnya selama hampir 48 jam sebelum beliau membawanya keluar pada 30 Jun 2008 dan menghantarnya kepada ahli kimia," katanya.

Muhammad Shafee juga berkata sampel yang diambil dari bilik lokap Anwar ditahan semalaman di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur tiba di [jabatan kimia](#) pada 17 Julai 2008.

"Pihak pembelaan bergantung kepada teori konspirasi bahawa sampel telah diusik, tetapi di mahkamah ini, kami berhujah mengenai analisis yang dijalankan oleh ahli kimia terhadap kesan air mani.

"Bagaimanapun, pada perbicaraan mendengar rayuan kali ini, mereka (pihak pembela) berhujah mengenai kemungkinan pegawai penyiasat berjaya mendapatkan sampel DNA perayu (Anwar) dari suatu tempat dan meletakkannya bersama sampel yang diambil daripada pengadu," katanya.

Mengenai isu berlaku gangguan dalam rangkaian proses pengumpulan bahan bukti, Muhammad Shafee berkata tidak berlaku sama sekali kerana pegawai penyiasat mematuhi apa yang dikehendaki di bawah IGSO walaupun beliau mengaku tidak mendengar nasihat Dr Siew supaya sampel itu disimpan dalam penyejuk beku untuk melindunginya.

Muhammad Shafee akan menyambung hujah pada Isnin dan pihak pembelaan pula akan menjawab hujahnya pada Selasa.

Pada 7 Mac, Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman penjara lima tahun ke atas Anwar, 67, selepas didapati bersalah meliwat Mohd Saiful, 27, di Unit 11-5-1 Kondominium Desa Damansara, Jalan Setiakasih, Bukit Damansara antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

Tuduhan itu, mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan, memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

-- BERNAMA

RAYUAN KES LIWAT

12 sampel Saiful tidak diganggu

» *Bahan bukti
kes disimpan
berasingan
sebelum dihantar
ke Jabatan Kimia*

Putrajaya

Mahkamah Persekutuan semalam diberitahu pegawai penyiasat kes liwat yang dihadapi Datuk Seri Anwar Ibrahim, hanya membuka beg plastik mengandungi 12 sampel yang diambil daripada Mohd Saiful Bukhari Azlan dan bukan bekas yang mengandungi calitan daripada dubur pengadu.

* Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mengetuai pasukan pendakwaan dalam rayuan kes itu berkata, Superintendan (bersara) Jude Blacious Pereira mematuhi Peraturan Tetap Ketua Polis Negara (IGSO) apabila semua barang kes disimpan dalam sampul berasingan sebelum dihantar ke **Jabatan Kimia**.

Beliau berkata, semasa pemeriksaan utama, Pereira telah menjelaskan perkara itu secara terperinci dan tidak pernah cuba

untuk menyembunyikan tindakannya seperti yang didakwa pembela.

"Apa yang beliau lakukan sebenarnya mematuhi apa yang dikehendaki di bawah IGSO dengan meletakkan setiap bekas dalam sampul berasingan dan menandakan sampul-sampul itu.

Kemuka salinan IGSO

"Beliau tidak membuat apa-apa penandaan pada bekas itu atau membukanya kerana ia telah dimeterai oleh Dr Siew Sheue Feng dan doktor itu dengan pengadu, Mohd Saiful telah menandatangani pada cap setiap satu daripada bekas itu," kata Muhammad Shafee.

Peguam kanan itu yang bertindak sebagai pendakwa raya dalam kes ini memberitahu panel lima hakim yang diketuai Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria bahawa untuk menyokong tindakan pegawai penyiasat itu, pihak pendakwaan telah mengemukakan salinan IGSO yang jelas menyatakan bagaimana bahan bukti harus dikendalikan dan disimpan sebelum dihantar kepada ahli kimia.

Muhammad Shafee berkata, pada peringkat Mahkamah Tinggi, pihak pembelaan berjaya me-



Muhammad Shafee (tengah) meninggalkan mahkamah pada hari keempat rayuan kes liwat di Istana Kehakiman, Putrajaya, semalam. (FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH)

**“
Beliau tidak membuat
apa-apa penandaan
pada bekas itu atau
membukanya kerana
ia telah dimeterai
oleh Dr Siew Sheue
Feng dan doktor itu
dengan pengadu,
Mohd Saiful telah
menandatangani
pada cap setiap satu
daripada bekas itu”**

**Muhammad Shafee
Abdullah,**
Ketua Pasukan Pendakwaan

yakinkan dalam hujah mereka bahawa ada kemungkinan sampel itu diusik yang membolehkan Anwar dibebaskan.

Bagaimanapun, di Mahkamah Rayuan, pihak pendakwa berhujah bahawa apabila ahli kimia Dr Seah Lay Hong dan Nor Adora Saidon memeterai bahan bukti, semua bekas masih utuh dan tidak terusik dan mahkamah bersejua serta meminda keputusan Mahkamah Tinggi.

Beliau menjelaskan sampel intim (diambil daripada dubur) Mohd Saiful itu dikumpul oleh dua doktor dari Hospital Kuala Lumpur (HKL) iaitu Dr Mohd Razali Ibrahim dan Dr Khairul Nizam pada 28 Jun 2008.

"Sampel itu dibawa kembali oleh pegawai penyiasat dan disimpan di dalam loker (laci almari) di pejabatnya selama hampir 48 jam sebelum membawanya

keluar pada 30 Jun 2008 dan menghantarnya kepada ahli kimia," katanya.

Muhammad Shafee juga berkata, sampel yang diambil dari bilik lokap Anwar ditahan semalaman di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur tiba di Jabatan Kimia pada 17 Julai 2008.

Mengenai isu berlaku gangguan dalam rantaian proses pengumpulan bahan bukti, Muhammad Shafee berkata ia tidak berlaku kerana pegawai penyiasat mematuhi apa yang dikehendaki di bawah IGSO walaupun beliau mengaku tidak mendengar nasihat Dr Siew supaya sampel itu disimpan dalam penyejuk beku untuk melindunginya.

Muhammad Shafee akan menyambung hujah pada Isnin dan pihak pembelaan pula akan menjawab hujahnya pada Selasa.

BERNAMA